

BAB 2 : NASIONALISME DI MALAYSIA SEHINGGA PERANG DUNIA KEDUA

BAHAGIAN A : ISI TEMPAT KOSONG

AKHBAR , MAJALAH DAN NOVEL : PENGGERAK KESEDARAN KEBANGSAAN

AKHBAR DAN ISU DIBANGKITKAN

1 ISU SOSIAL/PENDIDIKAN

- Memajukan pendidikan tinggi orang Melayu
- Menggalakkan pendidikan untuk anak perempuan
- Menyeru orang Melayu meninggalkan sikap negatif
- Menggalakkan tabungan pendidikan untuk anak-anak
- Mementingkan kemahiran tradisional orang Melayu seperti pertukangan
- Mementingkan pendidikan bahasa Inggeris untuk memajukan orang Melayu
- Meminta taraf sekolah Melayu dibaiki
- Memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi
- Menyeru orang Melayu supaya tidak meninggalkan pendidikan Islam
- Mengelakkan nilai-nilai baik masyarakat Melayu
-

ISU EKONOMI

- Menggalakkan syarikat kerjasama.
- Meminta British mengurangkan kemasukan orang dagang yang mengancam ekonomi tempatan
- Menggalakkan perniagaan di kalangan orang Melayu
- Melarang orang Melayu menjual tanah
- Menyeru orang Melayu berjimat-cermat
- Meminta British mengadakan kampung khas Melayu di Kuala Lumpur

ISU POLITIK

- Mengkritik British yang mengurangkan kuasa raja-raja Melayu
- Mengkritik pembesar dan raja-raja Melayu yang tidak melaksanakan kepimpinan yang sewajarnya .
- Menolak dasar pilih kasih British dalam pentadbiran
- Menuntut diadakan Malay Administration Service untuk melindungi orang Melayu dalam perkhidmatan kerajaan
- Menyeru orang Melayu bersatu dalam satu pertubuhan kebangsaan politik tempatan
- Menentang tuntutan orang dagang terhadap politik tempatan

MAJALAH DAN ISU YANG DIBANGKITKAN

2 (a) Majalah Guru

Pengarangnya:

- **Muhamad Dato' Muda Linggi**
- **Yusuf Ahmad**
- **Mohd Sidin Rashid**

Isu

- **Pendidikan** anak-anak Melayu
- Meyeru **perpaduan** orang Melayu
- Menaikkan semangat **cinta akan negara** dan menentang **penjajahan**
- Membaiki **taraf hidup** orang Melayu
- Memajukan **bahasa** dan **sastera** Melayu
- Menggalakkan **perpaduan** guru di kalangan guru sebagai pemimpin bahasa

(b) Pengasuh

Pengarangnya:

- **Dato' Nik Mohamad**

Isu

- Membincangkan soal **pentafsiran Islam** yang progresif bagi kemajuan ummah
- Menggalakkan **pendidikan** di kalangan orang Melayu
- Memperluaskan **ilmu** dalam semua bidang
- Memberikan **pentafsiran** kepada persoalan orang Islam
- Menggesa orang Melayu menjauhkan diri daripada **sifat buruk**

(c) Bulan Melayu

Pengarangnya:

- **Zainon Sulaiman**

Isu

- Menggalakkan **perpaduan** di kalangan **guru perempuan** Melayu Johor
- Menggalakkan wanita mendapatkan **pendidikan** untuk kemajuan diri
- Mendorong wanita menjaga **kesopanan** dengan nilai Islam dan **budaya timur**
- Menggalakkan wanita menjadi **obor** untuk memajukan bangsa

NOVEL DAN TEMA SEMANGAT KEBANGSAAN YANG DIBANGKITKAN

3 (a) Keris Melaka

- Pengarangnya: **Ahmad Bakhtiar**

Tema Semangat Kebangsaan

- Semangat perjuangan menentang penjajah Barat seperti **Potugis**
- Menghargai sumbangan tokoh-tokoh **Kesultanan Melayu Melaka**, seperti Hang Tuah
- Menggunakan **sejarah** sebagai inspirasi dan pedoman untuk mendorong semangat perjuangan bangsa bagi **generasi muda**

(b) Anak Mat Lela Gila

- Pengarangnya: Ishak Haji Muhammad

Tema Semangat Kebangsaan

- Semangat menentang penjajah oleh anak muda tempatan
- Menghargai warisan bangsa sendiri
- Mencintai tanah air
- Menolak kesenangan demi maruah bangsa

(c) Putera Gunung Tahan

- Pengarangnya: Ishak Haji Muhammad

Tema Semangat Kebangsaan

- Semangat wira pemuda tempatan dalam menjaga maruah bangsa
- Mencintai tanah air
- Berasa bangga dengan kebolehan sendiri
- Seorang gadis tempatan menolak cinta pegawai penjajah kerana tidak mahu menjatuhkan maruah bangsa

(d) Melor Kuala Lumpur

- Pengarangnya: Harun Aminurrashid

Tema Semangat Kebangsaan

- emansipasi atau kebebasan wanita dalam menentukan hala tuju kehidupannya
- wanita yang mementingkan pendidikan moden untuk kebaikannya dirinya
- membuang pandangan negatif yang boleh menghalang kemajuan bangsa

GERAKAN NASIONALISME SEMASA PENDUDUKAN JEPUN

Dasar Pemerintahan Tentera Jepun di Tanah Melayu

- 1 Mengharamkan semua akhbar yang diterbitkan sebelum itu.
- 2 Menukar nama akhbar tempatan kepada nama Jepun seperti Malai Shimbun untuk Utusan Melayu.
- 3 Semua sekolah menggunakan bahasa Jepun sebagai bahasa pengantar dan nilai budaya Jepun diperkenalkan.
- 4 Jepun menjalankan dasar pemerintahan ketenteraan.
- 5 Pemerintahan Jepun telah menyekat kebebasan bersuara penduduk Tanah Melayu.
- 6 Jepun hanya memberikan kebebasan kepada pertubuhan yang menyokongnya dan yang bergerak di bawah pengawasannya.

Melayu Raya atau Indonesia Raya

- 1 Slogan dan cita-cita politik sebahagian kecil orang Melayu.
- 2 Mereka mahu menghidupkan semula kegemilangan empayar Melayu seperti Majapahit, Srivijaya atau empayar Melaka.
- 3 Idea negara besar Melayu ini telah dimulakan di Maktab Perguruan Sultan Idris oleh Abdul Hadi Hassan.

BAHAGIAN B : SOALAN STRUKTUR

GERAKAN ISLAH

- Soalan 1 **Pelajar-pelajar Melayu yang melanjutkan pendidikan di Timur Tengah memulakan Gerakan Islah di Tanah Melayu pada awal abad ke 20.**
- a) **Namakan seorang tokoh gerakan tersebut.**
- F1 Syed Syeikh al-Hadi
F2 Sheikh Tahir Jalaluddin
F3 Dr. Burhanuddin al-Helmy
- (1 markah)
- b) **Berikan dua majalah dan akhbar yang diterbitkan oleh gerakan tersebut.**
- F1 Al-Imam
F2 Neracha
F3 Idaran Zaman
F4 Pengasuh
F5 Saudara
F6 Al-Ikhwan
- (2 markah)
- c) **Jelaskan idea-idea perjuangan gerakan itu**
- F1 Menjana Islam dari sudut kemajuan dunia
F2 Gesaan memajukan politik, ekonomi, pendidikan dan social orang melayu.
F3 Menyemat sikap mengkritik penjajah ke dalam fikiran orang Melayu
F4 Mengkritik raja dan pembesar yang tidak memajukan orang melayu.
F5 Membetulkan pandangan orang melayu terhadap Islam.
F6 Mementingkan pendidikan untuk mencapai kemajuan.
F7 Menggesa kaum wanita diberi peluang mendapatkan pendidikan.
F8 Mengenepikan adat resam dan kepercayaan karut yang menghalang kemajuan
- (3 markah)
- d) **Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah halangan yang dihadapi oleh Gerakan tersebut dalam perjuangan mereka.**
- F1 Tentangan daripada kaum tua.
F2 Undang-undang di Negeri-negeri Melayu menghalang pergerakan kaum muda.

- F3 Tidak membenarkan risalah dan buku kaum muda dibawa masuk ke negeri-negeri melayu.
 F4 Kegiatan dakwah perlu mendapat kebenaran sultan.
 F5 Golongan kaum tua menguasai masyarakat dengan fahaman mereka.
- (2 markah)
- e) **Pada pandangan anda, apakah iktibar yang dapat dihayati daripada perjuangan Gerakan Islah.**
- F1 Perlu bersabar dalam melaksanakan sesuatu usaha.
 F2 Bekerjasama dalam satu kumpulan.
 F3 Tidak mengenal erti putus asa.
 F4 Berdakwah secara hikmah/ bijaksana.
 F5 Menyusun strategi sebelum melaksanakan sesuatu perkara.
 (mana-mana jawapan yang munasabah)
- (2 markah)

BAHAGIAN C : SOALAN ESEI

KESATUAN MELAYU MUDA (KMM)

- Soalan **Gambar berikut menunjukkan antara pemimpin Kesatuan Melayu Muda (KMM).**
- 1



MARKAH

- (a) **Nyatakan tujuan penubuhan Kesatuan Melayu Muda (KMM)**

- | | | |
|----|--|---|
| F1 | Lebih bersifat politik | 1 |
| F2 | Mendapatkan kemerdekaan Negara | 1 |
| F3 | Menubuhkan Melayu Raya / Indonesia Raya | 1 |
| F4 | Menggalakkan perpaduan dalam kalangan pemuda Melayu di Tanah Melayu. | 1 |
| F5 | Meningkatkan tahap pendidikan orang Melayu | 1 |
- [Max 4M]

(b)	Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, terangkan usaha-usaha Kesatuan Melayu Muda(KMM) untuk mencapai matlamat perjuangannya.	
F1	Lebih bersifat politik.	1
F2	Bekerjasama dengan Jepun untuk menghalau British dari Tanah Melayu.	1
H2a	Menjadi sebuah badan propaganda Jepun.	1
H2b	Membeli Warta Malaya untuk dijadikan alat propaganda anti-British.	1
F3	Menjelajah Tanah Melayu untuk mencari sokongan.	1
F6	Cawangan KMM ditubuhkan bagi meluaskan propaganda menentang British.	1
F7	Menubuhkan Maahad II Ihya Assyariff di Gunung Semanggol, Perak.	1
H7a	Menyediakan kader-kader yang dikenali sebagai tentera semut untuk menentang British.	1
F8	Ibrahim Haji Yaakob meminta Jepun memberikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu bersama-sama Indonesia.	1
H8a	Sesuai dengan matlamat KMM menubuhkan Negara Melayu Raya atau Indonesia Raya.	1
H8b	Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS) ditubuhkan bagi melaksanakan Melayu Raya.	1
H8c	Kongres Pemuda KRIS di Kuala Lumpur membincangkan persediaan kemerdekaan dengan Indonesia.	1
H8d	Soekarno mengistiharkan kemerdekaan Indonesia lebih awal kerana kekalahan Jepun yang mendadak.	1
H8e	Persidangan KRIS dibatalkan dan Melayu Raya gagal.	1
		[Max 9 M]
(c)	Jika anda menjadi pengasas sebuah pertubuhan politik, apakah usaha anda untuk menjadikannya sebuah pertubuhan politik yang kuat.	
F1	Mendapatkan ramai ahli.	1
F2	Menyatukan ahli	1
F3	Mengukuhkan kewangan/ dana.	1
F4	Menentukan matlamat/ visi.	1
F5	Bekerja keras dalam mencapai visi.	1
F6	Bersifat patriotik.	1
F7	Menjaga kebijakan ahli.	1
F8	Mempertahankan kedaulatan agama dan bangsa.	1
F9	Menolak kerjasama kuasa asing.	1
	(Mana-mana jawapan yang munasabah)	[Max 7M]

BAHAGIAN D : SOALAN OBJKTIF

- 1 Pilih pernyataan yang betul .
- A Syarif Masahor – dihukum bunuh
B Linggir – melarikan diri ke Brunei
C *Rentap – berundur ke Ulu Sungai Entabai*
D Datu Patinggi Abdul Gapur – dibunuh oleh Sultan Brunei

JAWAPAN: C

- 2 Apakah langkah British untuk mengalahkan Penghulu Dol Said pada tahun 1837 ?
- A Menggunakan tipu muslihat
B Meminta bantuan Sultan Selangor
C *Menambahkan bilangan tentera*
D Meminta bantuan Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan

JAWAPAN: C

- 3
- **Anak Mat Lela Gilia**
 - **Putera Gunung Tahan**
 - **Keris Melaka**

- Persamaan bagi tema novel diatas berkaitan dengan
- A Kebebasan wanita
B *Mencintai tanah air*
C Menghargai pejuang tanah air
D Membuang pandangan negatif

JAWAPAN: B

- 4
- Gerakan Islah oleh Kaum Muda bergerak dengan baik di Negeri-Negeri Selat.**

- Mengapa berlaku sedemikian ?
- A Tokoh yang berkaliber
B Keluasan negeri yang kecil
C Diperintah oleh Yang Dipertua
D *Tiada sekatan undang-undang*

JAWAPAN: D

- 5
- **Pendudukan Jepun**
 - **Keganasan 14 hari oleh Parti Komunis Malaya**

- Apakah persamaan pada kedua-dua peristiwa tersebut di atas ?
- A Penyebaran ideologi komunis
B *Membangkitkan semangat nasionalisme*
C Orang asing menguasai ekonomi negara
D Kehidupan penduduk tempatan menjadi sulit

JAWAPAN: B

6

Al-Imam

- Siapakah pendukung akhbar tersebut ?
- A Ahmad Bakhtiar
 - B Dato' Onn Ja'afar
 - C ***Sheikh Tahir Jalaludin***
 - D Zainal Abidin bin Ahmad

JAWAPAN : C

7 Kongres Melayu telah diadakan pada tahun 1939 dan 1940.

- Apakah kejayaan kongres di atas ?
- A Menghalau penajah Barat
 - B ***Mengatasi perasaan kenegerian***
 - C Memberi kerjasama kemasukan Jepun
 - D Menyelesaikan konflik antara kaum

JAWAPAN : B

8 Apakah tujuan utama Kesatuan Melayu Muda (KMM) yang ditubuhkan pada tahun 1930-an ?

- A Menentang Jepun
- B ***Menyatukan orang Melayu***
- C Menggalakkan kegiatan penulisan
- D Menekan kepentingan bersosial

JAWAPAN : B

9

PASPAM ditubuhkan pada tahun 1934

- Apakah ciri-ciri istimewa persatuan tersebut
- I Organisasi yang kemas
 - II Perlembagaan tersendiri
 - III Pertubuhan pelbagai kaum
 - IV Dipimpin oleh golongan muda
- A ***I dan II***
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

JAWAPAN : A

10 Apakah tindakan Jepun dalam menekankan kebebasan negara-negara Asia ?

- A Membawa dasar penjepun
- B Menubuhkan gerakan yang pro-Jepun
- C Mengharamkan segala unsur yang datang dari Barat
- D ***Membawa konsep Kawasan Kesemakmuran Asia***

JAWAPAN : D